



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 25 OKTOBER 2018**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PELBAGAI TARIKAN MENANTI, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3.	CUBAAN SELUDUP BERAS GAGAL, SETEMPAT, SINAR HARIAN -36 BERAS SELUDUP BERNILAI RM70,000 DIRAMPAS, SINAR HARIAN -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) / BERNAS
4.	AGROBANK, RECODA METERAI MOU BIAYA USAHAWAN, BISNES, UM -47	AGROBANK
5. 6.	MALAYSIA PERLU BERDIKARI HASILKAN MAKANAN SENDIRI, SINAR HARIAN -ONLINE DIDIK PENGGUNA ELAK MEMBAZIR MAKANAN, KOSMO -ONLINE	PELBAGAI

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PENGIJUNG berpeluang melihat secara langsung anak lembu Australi Wagyu yang berusia enam bulan (kanan), ikan arowana (kiri) serta menikmati keindahan pelbagai jenis bunga di Laman Florikultur (foto tengah) di MAHA 2018.

## MAHA 2018 menyediakan segala produk terbaik buat pengunjung Pelbagai tarikan menanti

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**KUALA LUMPUR** – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan 2018 (MAHA 2018) bakal menyajikan pelbagai tarikan yang membuatkan kehadiran mereka ke situ berbaloi.

Bertemakan 'Makanan Kita, Masa Depan Kita', pelbagai jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bersedia melayan pengunjung dengan pelbagai aktiviti dan pameran yang mengisytiharkan MAHA 2018.

Acara dwitahunan MOA itu kali ini bakal berlangsung selama 11 hari di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor bermula dari 22 November hingga 2 Disember ini.

Laman Ternakan di bawah kendalian salah sebuah agensi di bawah MOA, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

bakal menyediakan suasana santai senario di ladang sambil menikmati makanan daripada hasil ternakan di tengah-tengah ibu kota.

Pengunjung berpeluang menyaksikan produk-produk baharu dan berteknologi tinggi selain beberapa kelainan yang diadakan antaranya Food Valley.

Food Valley menyediakan 64 gerai jualan dan makanan antaranya yang cukup unik seperti telur panggang, nasi goreng daging salai, air kelapa sarang burung, ais krim sarang burung walit, daging bakar Danok dan nasi puyuh goreng.

Bagi peminat haiwan, pameran aneka ayam hiasan serta pertandingan ayam tercantik bakal diadakan khusus buat warga kota selain pameran anak lembu Australi Wagyu yang berusia enam bulan.

DVS turut menganjurkan MAEPS Serdang 2018 untuk orang ramai yang mana penyertaan telah pun dibuka.

Acara itu menawarkan kelainan apabila para peserta

akan dijamu dengan pelbagai produk makanan berasaskan ternakan seperti susu segar, dadih, nugget, sosej dan lain-lain sebaik sahaja acara larian tersebut berakhir.

Sementara itu, Jabatan Pertanian (DOA) pula mengetengahkan Industri Florikultur dan landskap serta sektor agromakanan menerusi Laman Florikultur.

Dengan konsep Miracle Garden, Laman Florikultur bakal menonjolkan pelbagai jenis bunga yang mempunyai kombinasi warna cantik dan meruwan yang bakal menjadi daya tarikan utama seperti Horbbit Garden yang menampilkan pengisian konsep *edible landscape*.

Pengunjung juga boleh menyaksikan topiari yang terdiri daripada pelbagai reka bentuk untuk bersafot bersama keluarga.

Selain Miracle Garden, segmen lain di Laman Florikultur

termasuklah Flower Island, Orchard Garden, Floral Export Garden, Belokasi Klub, dan Arca Bunga Besar.

Jabatan Pertanian turut menyediakan aktiviti seperti demonstrasi masakan, pembuatan bunga tepak, toda impian, pembuatan sabun aromaterapi dan pertandingan gubahan bunga.

Jabatan Perikanan (DOF) pula hadir dengan 11 tarikan utama dengan penekanan diberikan kepada agroteknologi.

Ketua Pengarah DOF, Datuk Munir Mohd. Nawi berkata, pameran ikan bernilai tinggi di galeri ikan sungai dan ikan-ikan hiasan di galeri tropicarium bakal menarik pengunjung.

Spesies ikan termahal seperti empurau, arowana, kelah dan kerapu gergasi turut dipamerkan.

"Ia sesuai dengan pelbagai lapisan umur dan turut menyediakan pengisian untuk kanak-

kanak seperti galeri Aqarius yang menempatkan aktiviti menyukat ikan.

"Hasil tangkapan ikan tersebut boleh dibawa pulang untuk dipelihara," tambahnya.

Tarikan lain ialah Galeri Korpokrat dan Teknologi yang menempatkan pelbagai teknologi dan inovasi daripada industri perikanan merangkumi industri huluan hingga hiliran.

Berdasarkan kemeriahan aktiviti yang bakal diadakan, maka tidak menghairankan apabila 96 peratus gerai yang ditawarkan buat pengidat industri pertanian dan agro makanan sudah habis ditempa seawal menjelang 60 hari MAHA 2018 lagi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, MAHA 2018 yang merupakan platform terbaik buat anak-anak muda yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian telah meraih tajaan daripada pelbagai syarikat.

"MAHA 2018 kini sudah meraih hampir RM5 juta daripada rakan strategik sebanyak 26 syarikat dan dijangka jumlahnya akan bertambah," katanya dalam sidang akhbar baru-baru ini.




SALAHUDDIN



MUNIR



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2018	SINAR HARIAN	SETEMPAT	36



Beras yang diseludup masuk.

## Cubaan seludup beras gagal

ALORSETAR - Cubaan membawa masuk 42 tan beras dipatahkan sepasukan anggota dan pegawai polis dari Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap di Padang Sanai, Padang Terap, dekat sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Superintendan Noh Idris berkata, kesemua beras seludup dianggarkan bernilai hampir RM70,000 tidak termasuk cukai itu diseludup menggunakan dua lori melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Durian Burung.

"Berdasarkan maklumat diterima, kita menahan kedua-dua lori itu di hadapan Masjid Kampung Padang Chenderai, Padang Sanai, di sini, yang membawa kepada penemuan 12 bungkusan plastik berwarna putih bersaiz jumbo

mengandungi kira-kira 12 tan beras.

"Manakala, 30 bungkusan jumbo plastik warna putih mengandungi kira-kira 30 tan beras ditemui dalam lori kedua. Kedua-dua pemandu lori itu bagaimanapun gagal mengemukakan sebarang dokumen berkaitan beras tersebut," katanya.

Menurut beliau, kedua-dua lelaki berusia 42 dan 45 tahun yang ditahan itu tidak memiliki lesen memandu selain mengaku hanya bekerja sebagai pemandu bagi membawa masuk lori muatan beras dari negara jiran ke Malaysia melalui Kompleks ICQS Durian Burung.

Menurutnya, siasatan lanjut masih dijalankan ke atas kedua-dua lori dan pemandu terlibat diserahkan kepada Bahagian Kawal Selia Padi Beras Kedah untuk tindakan di bawah Seksyen 20 Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Beras seludup bernilai RM70,000 dirampas



ALOR SETAR – Polis mematahkan cubaan menyeludup masuk beras Siam seberat 42 metrik tan bernilai hampir RM70,000 dengan penahanan dua treler di hadapan Masjid Kampung Padang Chenderai, Padang Sanai dekat Padang Terap di sini pada 5.30 petang semalam.

Ketua Polis Daerah Padang Terap DSP Noh Idris berkata dua lelaki berusia 42 dan 45 tahun yang memandu treler itu berjaya ditahan sepasukan polis yang melakukan rondaan mencegah jenayah di sekitar kawasan daerah itu selepas menerima maklumat treler itu berada dalam keadaan mencurigakan.

“Berdasarkan maklumat yang kita terima dan pemeriksaan yang dilakukan, sebanyak 12 bungkusan jumbo plastik warna putih berisi 12 metrik tan beras ditemui pada lori (treler) pertama dan lori kedua sebanyak 30 bungkusan jumbo

berisi 30 metrik tan beras yang disyaki diseludup masuk ke sini bernilai hampir RM70,000 tidak termasuk cukai.

“Siasatan juga mendapati mereka tidak memiliki lesen memandu dan gagal menunjukkan sebarang dokumen berkaitan muatan beras yang dibawa sebelum ditahan bersama lori dan beras untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Noh berkata setiap bungkusan jumbo berisi satu metrik tan beras iaitu 1,000 kilogram dengan beras yang dibeli di Thailand hanya RM1.60 sekilogram.

Beliau berkata kedua-dua lelaki berasal dari Alor Setar itu mengaku membawa muatan beras berkenaan dari negara jiran melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di Durian Burung dekat Padang Terap.

Katanya semakan rekod lampau juga mendapati lelaki berusia 45 tahun itu mempunyai rekod kesalahan lampau mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan dan Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah.

“Kes diserahkan kepada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Kedah untuk tindakan mengikut Seksyen 20 Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522),” katanya. - Bernama.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2018	UTUSAN MALAYSIA	BISNES	47

## Agrobank, Recoda meterai MoU biaya usahawan

**KUALA LUMPUR 24 Okt.** - Agrobank menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (Recoda) bagi menyediakan pembiayaan kepada pelabur dan usahawan agro dalam kawasan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Menurut Agrobank, langkah itu akan membolehkan pelabur dan usahawan agro berpotensi dalam tiga agensi pembangunan yang ditubuhkan di bawah Recoda iaitu Agensi Pembangunan Hulu Rajang (URDA), Agensi Pembangunan Tanah Tinggi (HDA) dan Agensi Pembangunan Wilayah Utara (NRDA), mendapat program pembiayaan khusus, untuk memudahkan usahawan agro menyertai pertanian komersial.

"Ia juga menggalakkan usahawan mengambil bahagian dalam pembangunan rantai bekalan pertanian di kawasan-kawasan tersebut," katanya dalam kenyataan di sini.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Recoda, Datu Ismawi Ismuni dan Ketua Pegawai Strategik Agrobank, Mohamad Taufik Mahamad Zakaria semasa Sarawak Agrofest 2018 di Kuching.

Majlis itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Menteri Pembedaan Pertanian, Tanah Asli dan Pembangunan Wilayah serta Pengerusi HDA



Ia juga menggalakkan usahawan mengambil bahagian dalam pembangunan rantai bekalan pertanian di kawasan-kawasan tersebut.

### AGROBANK

Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata kerjasama berkenaan penting untuk menyokong agenda kerajaan negeri bagi mentransformasi pembangunan luar bandar melalui aktiviti pertanian dinamik dan komersial.

"Saya yakin program pembiayaan oleh Agrobank akan bermanfaat dalam membangunkan usahawan dalam kalangan penduduk tempatan dan komuniti agro di Sarawak.

"Usaha ini selari dengan rancangan pembangunan kerajaan negeri yang menjadikan Sarawak sebagai negeri berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2030," katanya. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Malaysia perlu berdikari hasilkan makanan sendiri



KENINGAU – Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) Sabah, Datuk Mohd Suhaili Mohd Taufek berkata, sudah tiba masanya bagi Malaysia berdikari menghasilkan pelbagai keperluan makanannya sendiri.

Katanya negara ini perlu berusaha keras bagi mengelak daripada terus bergantung kepada negara-negara luar untuk mendapatkan bekalan bahan makanan.

“Melihat kepada pertambahan rakyat yang semakin pesat, keperluan makanan sendiri sangat perlu dan kita tidak seharusnya bergantung pada mana-mana negara lain... Sebenarnya negara (Malaysia) ini jauh lebih mampu

untuk melakukannya (tidak pengimport makanan) kerana kita mempunyai banyak sumber,” katanya kepada Bernama selepas mendengar taklimat pengurusan ladang tenusu Evergreen Livestock Sendirian Berhad oleh pemilik ladang itu Prof (Adjung) Datuk Yap Yun Fook.

Yap merupakan Penasihat Pertanian Negara yang baharu sahaja dilantik oleh kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 4 Oktober lepas.

Suhaili berkata, Malaysia sudah merdeka sekian lama namun masih tidak dapat menghasilkan kebanyakan sumber makanan sendiri sehingga pengaliran wang ke luar negara begitu banyak untuk membeli bahan makanan import.

Katanya, keadaan itu boleh ditangani dengan merancang aktiviti pengeluaran makanan berasaskan inovasi ke atas industri sedia ada, selain memberi sokongan serta galakan khusus kepada pemain industri yang berkaitan.

“Sebagai contoh ladang Datuk Yap, saya sangat tertarik dengan ekosistem berasaskan alam semula jadi yang beliau (Datuk Yap) aplikasikan. Berasaskan lembu tenusu, kitaran buangnya boleh menghasilkan pelbagai sumber pertanian dalam masa yang sama...ia sangat kreatif dan inilah bentuk inovasi yang boleh digunapakai di seluruh negara,” katanya.

Menurutnya Yap berjaya mengaplikasikan pengetahuannya semaksimumnya untuk memartabatkan industri pertanian sebagai satu perniagaan komersial yang menguntungkan.

Suhaili berkata kejayaan Yap berkenaan seharusnya boleh membuka mata kakitangan perkhidmatan awam supaya lebih kreatif dan berinovasi untuk menghasilkan mutu kerja berasaskan apa yang ada di sekitar mereka.

Sementara itu, Suhaili berharap Yap, sebagai Penasihat Pertanian Negara, dapat memberi maklum balas kepada kerajaan untuk mengubah cara bertindak khususnya bagaimana melepaskan diri daripada bergantung kepada barang makanan import.

“Beliau (Yap) mempunyai 36 tahun pengalaman dalam bidang pertanian. Saya percaya beliau mampu melakukan sesuatu yang luar biasa untuk Malaysia,” katanya.

Menurutnya Mampu akan menjemput Yap untuk berkongsi pengalaman dan kejayaannya dengan agensi itu pada ‘Hari Inovasi’ jabatan itu yang diadakan setiap tahun.- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2018	KOSMO	ONLINE	

## Didik pengguna elak membazir makanan



SECARA purata, rakyat Malaysia dianggarkan membuang sebanyak 15,000 tan sisa makanan sehari, manakala menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 3,000 tan daripada jumlah keseluruhan itu masih belum disentuh serta boleh dimakan.

Malah, jumlah itu dikatakan cukup untuk memberi makan kepada 5.3 juta orang dengan tiga hidangan sihat setiap hari.

Menyedari hakikat itu, peneraju roti leper, Mission Foods memulakan kempen #FoldoverYourLeftover bersama pengacara dan tukang masak selebriti kelahiran Singapura, Sarah Benjamin.

Sepanjang kempen itu, Sarah akan berkongsi petua dan resipi asal ciptaannya dengan menggunakan produk Mission Foods.

Beliau juga telah menghasilkan 12 resipi menarik yang boleh didapati dalam buku masakan edisi terhad yang akan diberikan secara percuma kepada pelanggan yang membeli dua produk di semua kedai yang mengambil bahagian.

“Peluang kerjasama yang ditawarkan Mission Foods dalam kempen ini merupakan satu pengalaman yang berharga, sekali gus dapat mendorong lebih ramai orang untuk mengelakkan diri daripada melakukan pembaziran.

“Besarlah harapan saya supaya resipi yang dikongsi ini akan membantu pelanggan khususnya dalam menghasilkan makanan yang sihat dan menyelerakan,” katanya semasa melakukan demonstrasi masakan pada pelancaran kempen tersebut di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Antara resipi yang menjadi pilihan ialah roti bungkus nasi ayam halia dan roti pita berinti daging sate bersama bawang jeruk.

Ketika melakukan demonstrasi masakan itu, Sarah turut berkongsi cara terbaik untuk menggunakan produk keluaran syarikat tersebut termasuk tip dan maklumat mengenai nilai pemakanan.

Sementara itu, Pengurus Jenama Mission Foods Asia Selatan, Randall Tan berkata, kempen yang diadakan bersempena dengan Hari Makanan Sedunia tersebut adalah sebagai misi untuk mewujudkan kesedaran tentang sisa makanan, guna semula dan menuju ke arah gaya hidup sifar sisa.

“Jika anda sering mendengar ibu bapa merungut mengenai sisa makanan yang anda tinggalkan disebabkan ia masih elok, pihak kami ingin membawa kembali kata-kata itu agar anda menyedarinya semula.

“Hasrat untuk mengurangkan krisis kebuluran di seluruh dunia sepatutnya bermula daripada diri sendiri terlebih dahulu.

Melalui kempen ini, kami akan menunjukkan bagaimana produk-produk keluaran Mission Foods dapat membantu anda untuk mengguna semula sisa makanan yang masih boleh dimakan,” ujarnya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web Mission Foods di [www.missionfoods.com.my](http://www.missionfoods.com.my).